

MAHATHIR

1977

BENTONG, 24 APRIL (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA ORANG MELAYU JANGAN MEMBUANG MASA BERJUANG MENENTANG MUSUH-MUSUH YANG SENGAJA DIREKA.+

KEGIATAN MEMBAZIR ITU HANYA MENYEBABKAN MASALAH-MASALAH SEBENARNYA YANG DIHADAPI OLEH ORANG MELAYU TERUS TERBIAR TANPA DIBERI PERHATIAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DR. MAHATHIR TIDAK MAHU ORANG-ORANG MELAYU ASYIK MELAWAN MUSUH-MUSUH REKAAN ITU SEPERTI DONGENG DON QUIXOTE+ YANG MELAWAN KINCIR ANGIN KERANA MENGANGGAPNYA NAGA.+

BERUCAP MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN KE-24 UMNO BAHAGIAN BENTONG DISINI, BELIAU BERKATA GEJALA MENGADA-ADAKAN MUSUH JUGA DIDAPATI DI KALANGAN AHLI UMNO.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN SALAH SATU CARA MUSUH-MUSUH REKAAN ITU WUJUD IALAH BILA BERLAKU KEADAAN TIDAK SEPENDAPAT ANTARA KERAJAAN DENGAN GOLONGAN YANG MENDESAK. -- BERSAMBUNG 1450/SZ

MAHATHIR 2 BENTONG

MISALNYA, ADA CADANGAN MEMINTA KERAJAAN MENYEDIAKAN BILEK SEMBAHYANG DALAM KERETAPI OLEH GOLONGAN YANG MENONJOLKAN DIRI SEBAGAI PEJUANG ISLAM.

DALAM HUBUNGAN INI KERAJAAN AKAN DIANGGAP MUSUH JIKA TIDAK MELAKSANAKAN SYOR ITU DAN GOLONGAN TERSEBUT AKAN MENGHASUT ORANGRAMAI MENENTANG KERAJAAN.

DEWAN BANGUNAN UMNO BENTONG YANG PENUH SESAK DENGAN LEBIH 1,000 ORANG TELAH GAMAT DENGAN GELAK KETAWA BILA DR. MAHATHIR BERKATA MUNGKIN KELAK ADA CADANGAN MEMINTA KERAJAAN MENGADAKAN BILEK SEMBAHYANG DALAM KAPAL TERBANG MAS PULA. -- BERSAMBUNG 1452/SZ

MAHATHIR BENTONG

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK MENYAMARKAN SYOR MEREKA SEHUNGGA ORANGRAMAI TAKUT MENENTANGNYA KERANA AKAN DIANGGAP SEBAGAI MUSUH.

KATA DR. MAHATHIR, DALAM KONTEKS INI MUSUH SEBENARNYA IALAH ORANG YANG MEMBUAT SYOR TERSEBUT KERANA AKAN BERTANGGUNG JAWAB MENYEBABKAN ORANGRAMAI MEMBUANG MASA BERMUSUHAN SAMA SENDIRI DARI MEMBAIKI DIRI SENDIRI.

DR. MAHATHIR MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MENGENALI MANA SATU PERJUANGAN YANG TULIN DAN YANG MANA PULA PERJUANGAN RIAK YANG HANYA DITONJOL-TONJOL OLEH GOLONGAN TERTENTU DEMI MENCAPAI TUJUAN SENDIRI.

KATA DR. MAHATHIR, GEJALA MENGWUJUDKAN MUSUH-MUSUH REKAAN ITU JUGA BERLAKU DALAM BIDANG PELAJARAN. -- BERSAMBUNG 1455/SZ

SC

B547

MAHATHIR 4 BENTONG

ADA GOLONGAN YANG MENENTANG KONSEP PELAJARAN SEKULAR DENGAN ALASAN KONSEP ITU TERPESONG DARI AJARAN ISLAM DAN DENGAN ITU MEREKA YANG MENGANUT KONSEP ITU ADALAH MUSUH ISLAM.

KATA DR. MAHATHIR, KERAJAAN GIAT HENDAK MEMBERIKAN ILMU PENGETAHUAN KEPADA ORANG MELAYU KERANA MEMIKIRKAN LANGKAH DEMIKIAN ADALAH SALAH SATU CARA MEMBOLEHKAN MEREKA BERSAINGAN DENGAN KEMAJUAN KAUM-KAUM LAIN.

DR. MAHATHIR TIBA DENGAN HELIKOPTER DI KEM TENTERA BATU EMPAT DAN KEMUDIAN DI ARAK OLEH 200 ORANG PEMUDA UMNO BERMOTOSIKAL KE DEWAN BANGUNAN UMNO DISINI UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT TERSEBUT DI MANA TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, ENCIK CHAN SIANG SUN, YANG JUGA WAKIL PARLIMEN SERTA Pengerusi Barisan Nasional Bentong turut hadir. -- BERNAMA 1457/SZ